



PRESS STATEMENT

S.A. 2025/08/25_15 (HQ)

INSENTIF SINARAN MERDEKA TNB SERIKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-68 Inisiatif terus disambut baik, semarakkan semangat Merdeka dengan kilauan kreatif

Tenaga Nasional Berhad (TNB) meneruskan tradisi menyemarakkan suasana Kemerdekaan dengan menawarkan Insentif Sinaran Merdeka 2025, yang membolehkan pelanggan komersial mengurangkan kos pencahayaan hiasan sempena sambutan Hari Kebangsaan. Program yang bermula sejak tahun 2000 terus menerima sambutan menggalakkan dengan 1,027 permohonan setakat 15 Ogos 2025.

Angka ini menunjukkan minat berterusan daripada pelanggan komersial untuk menyertai inisiatif ini yang bukan sahaja menjimatkan kos, malah menambah keceriaan suasana sambutan Merdeka. Tahun lalu, TNB menerima sebanyak 1,863 permohonan.

“Kami amat menghargai inisiatif ini. Usaha menggalakkan pencahayaan hiasan bangunan serta kawasan sekitar mewujudkan suasana meriah dan penuh semangat patriotik sepanjang musim Merdeka,” kata Mohd Fizan B. Mat Nor, Pengurus Integrated Facility Lalaport Mall, antara peserta program.

Sokongan sama turut dizahirkan oleh Abdul Hadi Ali, Timbalan Pengurus Besar Sungei Wang Plaza, juga peserta program, yang berkata, “Sebagai sebuah pusat membeli-belah di tengah Kuala Lumpur, kami berbangga menyertai Program Sinaran Merdeka kerana ia menzhirkan rasa cinta terhadap negara di samping memenuhi tanggungjawab sosial korporat.”

Dengan sambutan positif yang diterima, TNB turut menambah baik tawaran Insentif Sinaran Merdeka bagi tahun 2025. Selaras dengan Penstrukturran Tarif Elektrik yang bermula 1 Julai 2025, tawaran tahun ini ditambah baik dengan pengenalan kadar insentif khusus untuk pelanggan Bukan Domestik Voltan Rendah dan Voltan Sederhana yang menjalankan aktiviti komersial seperti bangunan pencakar langit, pejabat, kompleks komersial, kompleks membeli-belah, hotel dan stesen minyak.

Pelanggan layak ialah mereka di bawah kategori Tarif Am dan Tarif ToU (*Time-of-Use*), dan telah mendapat bekalan elektrik sebelum 1 Ogos 2024 dengan pengebilan sekurang-kurangnya satu bil sebenar sama ada pada bulan Mei, Jun atau Julai 2025.

Insentif ini berlangsung dari 1 Ogos hingga 30 September 2025 dengan kadar 28.91 sen/kWj (Voltan Rendah) dan 13.37 sen/kWj (Voltan Sederhana), iaitu masing-masing 57% dan 45% lebih rendah daripada kadar biasa. Pengiraan dibuat berdasarkan peningkatan penggunaan berbanding purata tiga bulan terdahulu (Mei, Jun, Julai 2025). Manfaat akan dipaparkan secara sekali gus dalam bil Oktober 2025 dengan keterangan “Insentif Sinaran Merdeka”.

S.A. 2025/08/25_15

Permohonan boleh dibuat sehingga 15 September 2025 melalui portal myTNB (www.mytnb.com.my) atau di mana-mana Kedai Tenaga berhampiran. Untuk maklumat lanjut, hubungi TNB CareLine di 1-300-88-5454, atau e-mel: tnbcareline@tnb.com.my

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 25 Ogos 2025, jam 10:30 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /

Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606

atau emel kami: media@tnb.com.my



Sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-68, **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** sekali lagi menawarkan **Insentif Sinaran Merdeka** kepada pelanggan beraktiviti komersial untuk menyemarakkan suasana kemerdekaan dengan menerangi bangunan serta kawasan persekitaran pelanggan menggunakan lampu hiasan.